

Pelaksanaan semula program rekalibrasi langkah tepat

Kuala Lumpur: Pelaksanaan semula Program Rekalibrasi Tenaga Kerja (RTK) 2.0 dan Pelan Kelonggaran Pengajian Pekerja Asing oleh kerajaan sebagai langkah memenuhi keperluan tenaga kerja asing, dilihat satu keputusan tepat.

Presiden Persatuan Agensi Pekerjaan Malaysia (PAPA), Datuk Foo Yong Hooi, percaya langkah diambil kerajaan itu dapat membantu mengurangkan masalah kekurangan pembantu rumah.

"Keperluan untuk tenaga kerja bagi sektor pembantu rumah meningkat kepada 50,000 orang tahun ini disebabkan permintaan tinggi di Malaysia.

"Langkah ini adalah satu keputusan yang tepat Ia juga adalah lebih murah dari segi kos untuk rekalibrasi pekerja asing tanpa izin berbanding mengambill pekerja baharu dari luar negara," katanya ketika dihubungi.

Berkongsi pandangan sama, Presiden Persatuan Majikan Amah Malaysia (MAMA), Engku Ahmad Fauzi Engku Mubsein yang berkata, selain kos yang lebih rendah, program rekalibrasi berkenaan juga dapat menjimatkan masa untuk majikan mendapatkan tenaga kerja.

"Cara itu begitu mudah. Kerana kita tidak perlu mencari sumber di luar negara, oleh kerana dalam negara sudah ada.

"Cuma perlu memitihkan mereka sahaja. Pengurangan kos akan berlaku, tidak perlu bayar pengangkutan ke sana serta untuk membayar ejen sebab mereka sudah ada di sini," katanya ketika dihubungi.

Engku Ahmad Fauzi berkata, pihak majikan hanya perlu membawa pekerja berkenaan pergi ke Imigresen dan tidak perlu melalui orang tengah atau ejen.

"Majikan hanya isi borang, bayar levi dan apa-apa permit, kemudian buat pemeriksaan kesihatan.

"Semua ini boleh selesai dengan dan kosnya tidak melebihi RM4,000 dan proses juga lebih mudah," katanya.

Mengulas isu kos yang jauh lebih murah berbanding mengambil pekerja asing dari luar, beliau memberi contoh proses membawa masuk pekerja dari Indonesia menelan belanja hampir RM17,000 bagi setiap pekerja.

Tegasnya, usaha berkenaan sepatutnya sudah lama dilaksanakan kerajaan supaya negara tidak mengalami kekurangan tenaga kerja daripada warga asing.